

Headline	Hidup sihat walaupun hidap HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	28	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	230 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,723
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,169



Hidup sihat walaupun hidap HIV

KUALA LUMPUR: "Saya sanggup tampil kerana mahu rakan yang masih 'bersembuni' menjadikan saya sebagai rujukan mereka. Saya mahu mereka dapatkan rawatan dan tahu bahawa menghidap virus HIV bukan pengakhiran kepada kehidupan. Kalau mahu hidup kita kena sihat," kata Norasid Md Said, 38.

Norasid yang kini menjadi sukarelawan kepada Program Pertukaran Jarum dan Jarum Suntikan (NSEP) berkata, ramai di kalangan rakannya yang menghidap HIV positif takut dan tidak mahu mendapatkan rawatan.

"Pesanan ibu terpahat dalam ingatan yang penting kita sihat. Alhamdulilah selepas bebas daripada gejala dadah, keadaan kesihatan saya bertambah baik, tetapi saya pastikan dapatkan rawatan dan tidak lupa makan ubat. Saya lihat ramai yang sakit seperti saya, tetapi mereka menderita.

"Jangan bimbang jika keluarga tidak memberi sokongan, ada pihak lain boleh memberi pertolongan. Saya bersyukur kerana mempunyai ibu yang banyak membaca dan mendapatkan maklumat berhubung HIV. Kini saya sudah berkahwin dan mempunyai tiga anak. Saya tekad berhenti daripada ketagihan dadah kerana mahu melihat anak membesar dengan sempurna," katanya ketika ditemui pada majlis penutupan Program Memperkasakan Orang Yang Hidup dengan HIV

di Hotel Vistana di sini, kelmarin.

Program itu adalah kerjasama antara Majlis Aids Malaysia (MAM) dan MyPlus (Malaysia Network of People Living with HIV) dan menerima sokongan dana daripada geran M.A.C Cosmetics.

Kira-kira 30 peserta dari seluruh negara yang menghidap HIV positif menghadiri program diadakan menerusi tiga bengkel bersiri untuk sepanjang tahun.

Turut hadir, Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datuk Dr Raj Karim.

Peserta, Pie, 45 (bukan nama sebenar) berkata, program itu memberi banyak manfaat dalam memupuk kemahiran peserta untuk berkomunikasi dan seterusnya menjadi jurucakap serta memberi maklumat tepat untuk memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak lagi mendiskriminasi mereka.

"Saya bukan orang yang berisiko, tetapi saya terdedah kepada risiko itu. Apa yang saya cuba sampaikan ialah ia boleh terjadi kepada sesiapa saja.

"HIV bukan masalah, tetapi salah faham membuatkan kita berdepan perkara yang tidak sepatusnya menjadi isu. Tidak perlu bercerita mengenai sejarah silam, sebaliknya mendakian bagaimana dan hak mereka untuk menurunkan kehidupan.

"Akibat stigma atau pandangan serong masyarakat,

ramai yang rosak akidah dan ada cuba membunuh diri menyebabkan yang se-sat lebih sesat. Ini fardu kifayah, saya berharap selepas ini dapat bekerjasama dengan ahli agama untuk memberi fahaman berhubung beberapa isu dan sebagai contoh, isu pengasingan kubur," katanya.

Ketika ditemui, Sonia, 43, (bukan nama sebenar) berkata, program yang dianjurkan memberinya kekuatan untuk memberitahu kepada keluarga bahawa dia penghidap virus HIV positif dan meminta supaya masyarakat tidak menyisihkan mereka, sebaliknya membantu mereka.

"Sejarah lampau membuatkan saya mendapat jangkitan HIV. Pada peringkat awal, saya malu dan mengurung diri kerana merasakan tidak mempunyai hala tuju hidup lagi. Bagaimanapun, saya bernasib baik ada rakan yang membantu menyebabkan saya mengubah kehidupan lama dan kini menjadi pengusaha salun.

"Pandangan serong masyarakat atau cakap sumbang ketika saya dapatkan rawatan di hospital tidak saya hiraukan kerana saya tekad untuk membuktikan saya juga boleh berusaha dan berjaya seperti orang biasa.

"Pengalaman dan ilmu yang diperoleh daripada program ini banyak mengajar dan memberi semangat kepada saya," katanya.